

Conference e-Proceedings

eISBN 978-967-2072-43-0

Physical & Online



I-RoLE 2023

INTERNATIONAL CONFERENCE OF
RESEARCH ON LANGUAGE EDUCATION 2023

EMBRACING CHANGE: EMANCIPATING THE LANDSCAPE OF RESEARCH IN LINGUISTIC, LANGUAGE AND LITERATURE

13 - 14 MARCH 2023

**NOBLE RESORT HOTEL MELAKA
MALAYSIA**

ORGANISER



Cawangan Melaka



**UNIVERSITI
MELAKA**
UMEL



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

CONFERENCE MANAGER



WMIT GROUP SDN BHD
138118-A



eISBN 978-967-2072-43-0

Physical & Online

I-RoLE 2023

INTERNATIONAL CONFERENCE OF RESEARCH
ON LANGUAGE EDUCATION 2023

Conference e-Proceedings

International Conference of Research on Language Education 2023

13-14 March 2023 • Noble Resort Hotel, Melaka



**Conference e-Proceedings
International Conference of Research on
Language Education 2023
e-ISBN: 978-967-2072-43-0**

**“Embracing Change: Emancipating the Landscape of
Research in Linguistics, Language and Literature”**

**13-14 March 2023
Noble Resort Hotel, Melaka
*Physical and Online Conference***

ORGANISER



CO ORGANISERS



CONFERENCE MANAGER





EDITORIAL BOARD

Chairman

Dr. Ameiruel Azwan bin Ab Aziz
Universiti Teknologi MARA

Committee Member

Fazlinda binti Hamzah
Universiti Teknologi MARA

Mohd Azlan Shah bin Sharifudin
Universiti Teknologi MARA

Dr. Amirah binti Mohd Juned
Universiti Teknologi MARA

Coordinator

Zesdyzar Rokman
WMIT Group Sdn Bhd

Rozielawati Rosli
WMIT Group Sdn Bhd

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.

The views and opinions expressed therein are those of the individual authors and any statements in this publication do not imply endorsement by the publisher or the editorial staff.

e ISBN 978-967-2072-43-0



Publisher:
Zes Rokman Resources (2131022-P)
Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan



Conference e-Proceedings
International Conference of Research on Language Education 2023
 e-ISBN: 978-967-2072-43-0

Table of Contents

No.	Title	Page Number
1.	Galaxy Tense A+: The Effectiveness of English Tenses Board Game Among Tertiary Students	6
2.	Graphic Design Website: Exploring Market Needs for Services	14
3.	Beyond What Eye Saw	21
4.	Creative Writing: Through Her Eyes - Tales of The Heart	28
5.	Let's Play Phonetic Charades	34
6.	A Visual Novel Game on Social Anxiety	40
7.	Skin Care with Fisha: New Media Content Creation for Basic Skincare Education	48
8.	e-Book of Poem Collections	55
9.	Toodles: Flashcards for Children	61
10.	Digital Flashcards (Tenses)	68
11.	Investigating Students' Concerns on The Development of Masterly!	74
12.	Googly Eyes: A Game to Improve English Usage Among Teenagers	80
13.	Providing Subtitles for Malaysian YouTuber	86
14.	Read and Play: Improving Adolescent's Reading Skills Through Video Games	91
15.	Thoughts by Her Soul Bookmark	99
16.	The Comedy of Errors Simplified: "Egeon's 18Th Reasons Why"	105
17.	Oliver Green: Improving Homonyms Understanding Through Comics	112
18.	PWSP: Phonetic Word Search Puzzle Book	117
19.	Floriography	121
20.	A Preliminary Study on The Young Adult's Perception of Learning English Using the Website: Swifties Read	126
21.	A Place for Poets: An Online Poetry Recitation Series	133
22.	Say It Right with Ya	140
23.	Don't Touch My No-No Square	150
24.	Templatify: An E-Book Collection of Ecards Templates	158
25.	Short Story: Disease Takes Happiness Away	164
26.	Dusted Lines: A Compilation of Self-Written Poems	170
27.	'What's Your Philosophy?' An Edutaining Card Game	177
28.	Be Cool, Not Cruel	185
29.	Grammar Made Fun with TikTok	192
30.	Interactive Journaling as A Mental Health Coping Strategy for Youths	201
31.	Learned – Spoken: Manglish	212
32.	Lost in the Labyrinth of My Mind	218
33.	Translation of Abqorie's Fardhu Ain Module for Smart Tahfiz & Transit Abqorie	225
34.	Poetry for Us: Expressing Feelings Through Creative Writing	231
35.	Lyacomms' Proofreading and Editing Service	238



No.	Title	Page Number
36.	The Effectiveness Of ‘Master the Verbs’ Instagram Flashcards Among Year Six Low Proficiency Level Students	244
37.	My Malay Fables	252
38.	Talking Story: eBooks to Improve Reading Comprehension Skills	259
39.	Exploring Creative Writing as A Tool to Enhance Mental Health	272
40.	Movie Moo	281
41.	English Pitstop	288
42.	Upin Ipin Reding Kit	294
43.	Seventy-Two Beats a Second	301
44.	Knowing Kristang	308
45.	Creatorslation: The Role of Technology in Translation Service	313
46.	Travel Guide as a Medium to Improve English Comprehensiveness	319
47.	Posterlance	328
48.	Crossfunetics	336
49.	The Effectiveness of Board Games to Promote Student Attention and Enjoyment in English Subject	342
50.	The Use of e-Books and Social Media in Introducing Malaysian Folklores Among Children	352
51.	Creepypodcast YouTube Channel	357
52.	Mastermind’: English Board Game	363
53.	한국어 In Melayu!	369
54.	Triple P with Sang Kancil: Pronunciation, Phonetics, and Playbook	376
55.	"So, She Reads" Book Blog	383
56.	Abbyfication: A Grammar-Based Word Game	389
57.	Klick! A Content Writing Service	396
58.	The Love Levanter Podcast	403
59.	Let’s Talk Feelings Podcast	409
60.	Grafixmoon: Poster Designing Service	415
61.	The Circle of Life	422
62.	Hops the Dwarf	430
63.	Malay Corner: Learning Malay Through Discord	435
64.	Movie: This and That	441
65.	Phone the Phonetics: Phonetic Flashcards	449
66.	And What If?	455
67.	Interrupted: Life in A Podcast	458
68.	@Phoneticisfun	463
69.	Culinary and Creative Writing: When Two Worlds Collide	468
70.	Talk in Senses	473
71.	Piano Pleasure Course	480
72.	Step by Step: A Motivational Instagram Account	486
73.	Figurative Language! An Educational Autobiography	492
74.	Of Power, Devotion and Betrayal: A Collection of Malaysian Princesses’ Folklores	499
75.	Tell Me, How’s Everything? An Anthology of Poems to Increase the Understanding of Figurative Language	505



No.	Title	Page Number
76.	Oh, Lendu Youth	513
77.	Living the Hard Life	520
78.	Mirror, Mirror, on the Wall, Who Is the Best of Us All?	528
79.	Beyond the Crowded Space: The Use of Podcast in Improving Psychological Well-Being	535
80.	Samdil: Same Music, Different Language	541
81.	Bejalai: A YouTube Journey	547
82.	Mind Your Language	552
83.	Pop Music Podcast: A Bop or A Flop?	560
84.	Exploring The English Language Teachers' Beliefs And Practices In Implementing CEFR-Aligned Formative Assessment In Malaysian Primary Schools	570
85.	Pencapaian Ucapan Bayi Sejak Lahir Hingga Dua Belas Bulan	575
86.	Mengkaji Makna Bahasa Lukisan Kanak - Kanak Muda Usia 0-3 Tahun	585
87.	Penelitian Terhadap Kesiediaan, Motivasi Dan Faktor Persekitaran Murid Bukan Penutur Natif Terhadap Pembelajaran Dan Pemudahcaraan Karangan Respon Terbuka Di Sekolah Antarabangsa Kuala Lumpur	599
88.	Pengaruh Bahasa Ibunda Dalam Kalangan Murid Bukan Melayu Tahun 5 Semasa Menulis Karangan: Satu Kajian Kes	610
89.	Meningkatkan Penguasaan Penulisan Karangan Naratif Murid Tahun 6 Menggunakan Kit Ikan Karang	619
90.	Pengaruh Dialek Kedah Terhadap Fonetik Dan Leksikal Kata Soal Pelajar Pispmp: Satu Kajian Kes	633
91.	Tahap Pengetahuan Guru Pelatih Mempengaruhi Kekekapan Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Kbat) Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Subjek Bahasa Melayu	643

PENELITIAN TERHADAP KESEDIAAN, MOTIVASI DAN FAKTOR PERSEKITARAN MURID BUKAN PENUTUR NATIF TERHADAP PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN KARANGAN RESPON TERBUKA DI SEKOLAH ANTARABANGSA KUALA LUMPUR

Norfarsha Mohammad ¹, *Marzni Mohamed Mokhtar ², Marni Jamil ³

¹ Global Indian International School,
No.242 Lorong Abdul Samad, Off Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfield, 50470 Kuala Lumpur,
MALAYSIA

² Department of Language and Humanities Education, Faculty of Educational Studies, Universiti
Putra Malaysia, 43400 Selangor, MALAYSIA

³ Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pulau Pinang,
13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang, MALAYSIA

¹gs64675@student.upm.edu.my

²marzni@upm.edu.my

³marnijamil@uitm.edu.my

*Corresponding author

ABSTRAK:

Bahasa Melayu merupakan bahasa kedua bagi murid bukan penutur natif yang terdiri daripada pelbagai latar belakang yang mengamalkan bahasa ibunda mereka sendiri. Dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia, terdapat terdapat variasi kemahiran berbahasa yang diamalkan. Sistem pendidikan di Malaysia telah menggariskan bahawa Bahasa Melayu wajib dipelajari oleh murid tanpa mengira kaum apabila di sekolah kerana berperanan sebagai bahasa pengantar dan bahasa kebangsaan. Penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif bukanlah sesuatu yang mudah dan bersifat kompleks. Hal ini demikian kerana rata-rata murid bukan penutur natif jarang bertutur dengan menggunakan bahasa Melayu dalam pertuturan harian. Justeru, kajian ini akan memberikan pertimbangan terhadap tahap kesediaan, motivasi dan faktor persekitaran murid bukan penutur natif terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan karangan respons terbuka di tiga buah sekolah antarabangsa Kuala Lumpur. Reka bentuk kajian kuantitatif akan digunakan untuk melengkapkan kajian ini. Seramai 143 daripada 225 murid sekolah antarabangsa peringkat menengah rendah akan dipilih secara rawak. Pemilihan bilangan sampel kajian adalah berdasarkan Kalkulator Saiz Sampel Raosoft (Raosoft, 2004). Teknik pengumpulan data yang terlibat dalam kajian ini ialah penggunaan dua set soal selidik iaitu Ujian Kecekapan Bahasa Melayu (UPBM_SR) dan Tahap Skor UPBM_SR; dan Borang Soal Selidik Kesediaan, Motivasi dan Faktor Persekitaran Murid Bukan Penutur Natif dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan Karangan Respons Terbuka. Dapatan kajian akan dianalisis menggunakan Ujian-T dan korelasi untuk menentukan skor min dan hubungan antara pembolehubah kajian. Justeru, kajian ini diharapkan dapat meningkatkan prestasi pelajar dan menarik minat pelajar bukan penutur asli di sekolah antarabangsa di Kuala Lumpur untuk terus menguasai mata pelajaran Bahasa Melayu khususnya dalam pelbagai bidang penulisan karangan.



Kata kunci: Kesiediaan, Motivasi dan Faktor Persekitaran Murid Bukan Penutur Natif

1. PENGENALAN

Bahasa merupakan alat perhubungan yang penting dalam kehidupan seharian manusia kerana seseorang itu dapat berkomunikasi dengan orang lain untuk menyampaikan kehendak, perasaan, pendapat, pengalaman, buah fikiran, pengetahuan, mendapatkan informasi, menambah ilmu pengetahuan, memahami orang lain dan sebagainya (Raminah Sabran, 1993). Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Brown (2001), penutur bahasa pertama menguasai pengetahuan bahasa mereka sejak kecil dan dalam persekitaran semula jadi, manakala bagi penutur bahasa kedua pula, biasanya mereka menguasai pengetahuan bahasa kedua menerusi proses pendidikan yang bersifat formal dan hanya mampu berkembang melalui latihan dan pengukuhan.

Proses untuk mempelajari bahasa Melayu bukanlah suatu proses yang mudah terutamanya kepada murid yang jarang bertutur dalam Bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan harian. Asmah Hj Omar (1987), menyatakan bahawa kepelbagaian bangsa yang mempunyai bahasa ibunda dan bahasa kedua yang berbeza. Penutur bukan natif (*non-native speakers*) merupakan golongan penutur bahasa kedua yang menggunakan bahasa selain bahasa ibunda. Bagi golongan murid ini, kemahiran berbahasa Melayu merupakan kemahiran tambahan dalam berbahasa dan mempunyai perbezaan yang ketara dengan kemahiran menggunakan bahasa ibunda. Proses membina kemahiran berbahasa kedua dilakukan secara formal sebagai kemahiran tambahan (Khairul Nizam Mohamed Zuki, 2017). Terdapat perbezaan antara kemahiran baharu dengan kemahiran sedia ada yang menggunakan bahasa ibunda (Zulkifley Hamid, 2014). Perbezaan bahasa akan menyebabkan wujudnya perbezaan antara dua kelompok penutur dari aspek budaya dan pemikiran (Asmah, 1987).

Kepelbagaian masyarakat yang berbilang kaum dan berbilang bahasa di Malaysia, didapati pelbagai bentuk kemahiran berbahasa muncul dalam kalangan murid sekolah yang lahir dari pelbagai latar belakang. Apabila murid-murid melangkah ke alam persekolahan, Bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar dan wajib dipelajari dengan tidak mengira bangsa. Namun begitu, fenomena semasa di Malaysia memperlihatkan bahawa generasi muda, terutamanya bukan Melayu tidak mendukung kedaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi kerana tidak boleh bertutur dan menguasai bahasa Melayu (Teo Kok Seong, 2014; Nora'azian Nahar & Fadzilah Abd. Rahman, 2018). Bagi mereka mempelajari bahasa Melayu merupakan proses mempelajari lakuan baharu. Bagi murid bukan penutur natif, adalah menjadi kelaziman bagi alat artikulasi mereka menyebut bunyi dalam bahasa ibunda dan mudah bertutur menggunakan bahasa ibunda masing-masing. Natijahnya, bahasa Melayu akan dianggap sebagai bahasa santai dalam sesebuah perhubungan dan tidak penting Bahasa Melayu dianggap tidak penting (Chew Fong Peng, 2016).

Dalam konteks kajian ini murid Malaysia bukan penutur natif ialah murid yang terdiri daripada murid yang belajar sekolah antarabangsa di sekitar Kuala Lumpur, pada peringkat sekolah menengah rendah. Mereka akan menggunakan bahasa ibunda dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama di rumah atau untuk berkomunikasi manakala di sekolah antarabangsa, bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa pengantar dalam pembelajaran mahupun komunikasi, Bahasa Melayu hanya digunakan di dalam kelas mata pelajaran Bahasa Melayu sahaja. Pemerolehan daripada murid Malaysia bukan penutur natif hanya akan dicapai apabila menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam komunikasi. Malah murid Malaysia bukan penutur natif ini juga menggunakan kurikulum *Cambridge Assessment International Education* (2021). Kurikulum yang diguna pakai di sekolah antarabangsa ini bagi keperluan pembelajaran murid-murid yang berumur dalam lingkungan 11 hingga 14 tahun. Ia membantu murid-murid membuat persediaan untuk langkah seterusnya dalam pendidikan mereka.

Kurikulum pendidikan yang dirangka ini membantu murid-murid meningkatkan keyakinan diri, sikap bertanggungjawab, mencerminkan keperibadian yang unggul serta berfikiran kreatif dan inovatif dalam penglibatan kurikulum yang telah dirangka. Sistem pendidikan *Cambridge Lower Secondary* ini turut menawarkan sistem pendidikan yang luas dan seimbang kepada murid-murid yang berupaya membantu mereka berkembang maju dalam alam persekolahan, alam pekerjaan dan kehidupan mereka. Sistem pendidikan *Cambridge Lower Secondary* memerlukan murid pada peringkat menengah rendah mempelajari 10 mata pelajaran utama, termasuk Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Melalui program yang ditawarkan ia menyediakan laluan yang jelas untuk ke peringkat seterusnya dalam pendidikan, serta banyak membuka peluang untuk berkembang maju dalam pelbagai bidang.

1.1 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesediaan, motivasi dan faktor persekitaran murid Malaysia bukan penutur natif terhadap penulisan pembelajaran dan pemudahcaraan karangan respons terbuka di sekolah antarabangsa, Kuala Lumpur. Berikut ialah empat objektif khusus kajian:

1. Mengetahui tahap kesediaan murid Malaysia bukan penutur natif terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan karangan respons terbuka di sekolah antarabangsa, Kuala Lumpur.
2. Mengetahui tahap motivasi murid Malaysia bukan penutur natif terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan karangan respons terbuka di sekolah antarabangsa, Kuala Lumpur.
3. Mengetahui tahap faktor persekitaran murid Malaysia bukan penutur natif terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan karangan respons terbuka di sekolah antarabangsa, Kuala Lumpur.
4. Meneliti hubungan yang signifikan antara tahap kesediaan, motivasi dan faktor persekitaran murid Malaysia bukan penutur natif terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan karangan respons terbuka di sekolah antarabangsa, Kuala Lumpur.

1.2 Sorotan Kajian

Kesediaan, Motivasi dan Faktor Persekitaran Pemerolehan Bahasa Kedua Penutur Bukan Natif

Umum perlu memahami bahawa proses pemerolehan bahasa pertama dan kedua amatlah berbeza. Pemerolehan bahasa pertama merupakan proses yang berlaku secara semula jadi dan melibatkan keadaan mental separa sedar atau tidak sengaja umpamanya tatacara kanak-kanak memperoleh bahasa ibundanya. Proses pemerolehan bahasa kedua pula berlaku menerusi proses pengajaran dan pembelajaran bahasa baharu yang sistematik dan terancang sifatnya. Justeru, bagi golongan murid bukan penutur natif adalah perlu untuk mereka diberikan dorongan, rangsangan dan sikap yang positif untuk mempelajari bahasa kedua. Pandangan ini telah dipersetujui oleh ramai tokoh-tokoh bahasa seperti Berwick, 1985; Chomsky, 1991; Crain, 1992; Fletcher & MacWhinney, 1995; Gleason, 1993; Pinker, 1994 dalam Tay Meng Guat & Wong Shia Ho (2016).

Kesediaan adalah perihai sedia. Aspek kesediaan juga merujuk kepada kebolehan individu untuk mengikuti aktiviti pengajaran dan pembelajaran (Mok Soon Sang, 2008). Bagi murid bukan penutur natif di sekolah antarabangsa, aspek kesediaan melibatkan kesediaan kognitif, kesediaan afektif dan kesediaan psikomotor. Dayang Sufilkawany Ujai et al. (2017) mendapati bahawa murid-murid Iban mempunyai sikap yang positif terhadap proses pembelajaran bahasa kedua mereka. Murid-murid sangat bersetuju bahawa sikap menumpukan

perhatian di dalam kelas Bahasa Melayu dan bersungguh-sungguh belajar semasa di dalam kelas merupakan sikap yang sangat mempengaruhi pembelajaran bahasa kedua mereka. Sikap yang positif memudahkan murid mempelajari sesuatu bahasa dengan lebih berkesan.

Dalam pembelajaran bahasa kedua, sikap banyak mempengaruhi murid ketika mempelajari dan menguasainya dengan cepat (Zamri Mahamod, 2005). Faktor diri sendiri merupakan faktor yang paling mempengaruhi seseorang untuk mempelajari sesuatu bahasa. Sekiranya murid itu memiliki sikap yang positif seperti kesedaran tentang pentingnya bahasa yang dipelajarinya, maka murid tersebut akan cuba menguasai bahasa tersebut dengan pelbagai cara. Bagi murid yang mempunyai sikap yang positif, bersedia untuk belajar dan bermotivasi tinggi akan berjaya menguasai bahasa sasaran dan begitulah sebaliknya (Kamarudin Husin, 1988). Abdul Hamid Mahmood (2002) menyatakan sikap murid yang menganggap Bahasa Melayu sebagai mudah kerana digunakan dalam perhubungan seharian telah mempengaruhi ketidakcekapan berbahasa khususnya penggunaan bahasa Melayu baku. Mereka beranggapan bahawa mereka boleh menulis bahasa Melayu dengan baik kerana dapat bertutur dengan baik. Hal ini kerana mereka tidak mengetahui bahawa bahasa lisan adalah berbeza dengan bahasa tulisan yang perlu menggunakan bahasa Melayu baku.

Mok Soon Sang (2008) menjelaskan bahawa motivasi merupakan dorongan dalam diri seseorang untuk melakukan sesuatu dengan motivasi, iltizam dan kesabaran yang tinggi bagi memenuhi matlamat yang ditetapkan. Brown (2001) puula berpendapat bahawa motivasi adalah kekuatan jangkaan (*anticipation*) unsur penting dalam pembelajaran dan faktor dalaman yang mempengaruhi perbezaan individu dalam pemerolehan bahasa kedua serta mempunyai hubungan yang erat dengan pencapaian akademik. Pandangan ini bertepatan dengan Gardner (1985) yang menegaskan bahawa dalam mempelajari bahasa, individu memerlukan motivasi yang tinggi bagi mencapai kejayaan dan matlamat. Motivasi juga boleh dibahagikan kepada dua, iaitu motivasi luaran dan motivasi dalaman. Menurut kajian yang telah dijalankan oleh Zamri Mahamod, Ruslin Amir & Mohamed Amin Embi (2015), motivasi dalaman dilihat melalui motivasi instrinsik dalam diri seseorang individu. Individu yang mempunyai motivasi untuk mencapai kejayaan dalam pendidikan bahasa mereka lebih mudah untuk memperoleh bahasa kedua mereka. Hal ini menunjukkan bahawa motivasi diperlukan dalam apa juga keadaan atau situasi bagi murid bukan penutur natif untuk menguasai sesuatu bahasa. Zamri Mahamod (2015, 2016b) selanjutnya mendapati bahawa pemerolehan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua menuntut guru untuk menggunakan strategi yang berupaya menarik minat murid bukan penutur natif untuk mempelajari dan menguasai Bahasa Melayu dengan mudah, cepat dan berkesan. Pandangan ini telah dibuktikan menerusi dapatan kajian Zaliza Mohamad Nasir dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2014) yang menunjukkan bahawa sikap dan motivasi murid asing akan mempengaruhi penguasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga. Hal ini diperhatikan menerusi maklum balas daripada 16 orang responden mempunyai sikap yang positif dan motivasi yang tinggi ketika mempelajari Bahasa Melayu akibat daripada motivasi dan dorongan yang diterima daripada tenaga pengajar Bahasa Melayu.

Seterusnya, kepelbagaian latar belakang atau persekitaran pembelajaran murid dijangka dapat mempengaruhi sikap terhadap bahasa dan pembelajaran bahasa di sekolah. Persekitaran yang kondusif dalam perkembangan bahasa memudahkan seseorang murid itu menguasai bahasa tersebut. Persekitaran yang baik dapat mendorong seseorang untuk mempelajari bahasa dengan lebih baik. Persekitaran dalam kajian ini termasuklah persekitaran di dalam bilik darjah, persekitaran komunikasi murid bersama-sama dengan rakan dan persekitaran komunikasi murid bersama-sama dengan keluarga. Zakaria et al. (2012) menyatakan bahawa persekitaran sekolah dan guru sangat memainkan peranan yang penting dalam memperkembangkan potensi individu murid secara keseluruhan dan bersepadu. Gagasan ini telah diperkukuhkan melalui kajian Tengku Nor Adila (2017) berkaitan penguasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dari aspek pengaruh persekitaran linguistik dan Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan dan Zaharani

Ahmad (2010) berkaitan aspek “sosiokognitif pelajar remaja terhadap bahasa Melayu” yang mengkaji sikap dan persepsi terhadap Bahasa Melayu dan melihat pertalian antara latar belakang sosial pelajar. Tay Meng Guat & Wong Shia Ho (2016) pula melaksanakan kajian berkaitan Minat Murid Bukan Penutur Natif Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu: Satu Kajian Kes terhadap remaja khususnya dari segi perbezaan jantina, kaum/etnik dan aliran kelas kognisi mereka terhadap Bahasa Melayu dengan melibatkan 1500 orang murid. Dapatan kajian menunjukkan bahawa hampir 80 peratus (%) mereka bersikap positif terhadap Bahasa Melayu. Kajian ini juga mendapati bahawa hanya 29.9% murid mempunyai persepsi yang tinggi terhadap Bahasa Melayu. Dibuktikan bahawa kognisi murid terhadap Bahasa Melayu mempunyai perkaitan yang signifikan dengan faktor sosial yang mempengaruhi latar belakang mereka. Persepsi yang tinggi dan sikap yang positif terhadap Bahasa Melayu perlu dipupuk agar murid tetap yakin akan kemampuan Bahasa Melayu.

Penguasaan Kemahiran Menulis Karangan Respons Terbuka Murid Bukan Penutur Natif

Hubungan antara pengalaman, pemikiran dan bahasa merupakan hubungan yang anjal. Berdasarkan pendapat dan penemuan ahli-ahli linguistik, psikologi tentang hubungan antara pengalaman, pemikiran dan bahasa telah melahirkan beberapa prinsip dalam pengajaran penulisan karangan berasaskan pengalaman. Kemahiran menulis merujuk kepada keupayaan murid menulis perkataan dan ayat, dan menjana idea melalui mod penulisan yang pelbagai bagi dihubungkan dengan ilmu pengetahuan dan pemerolehan pengalaman sendiri. Pertimbangan khusus dalam kecekapan kemahiran menulis ialah terhadap keupayaan murid menggunakan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, dan tulisan yang jelas, cantik dan kemas. Kemahiran menulis juga difahami sebagai kemampuan murid-murid berfikir, menaakul, menyusun dan mengolah idea sebelum dilahirkan dalam bentuk wacana yang lengkap. Murid-murid perlu menguasai struktur karangan seperti mahir membuat pemerenggan dan menulis kesimpulan. Tuntutan ini dilihat selari dengan gagasan Don Bryne (1979) menyatakan bahawa simbol grafik diperlukan semasa menulis iaitu penggunaan huruf-huruf atau gabungjalin huruf-huruf yang berkaitan dengan lambang bunyi yang kita buat semasa kita bertutur. Hal ini meliputi empat aspek iaitu (a) menggunakan pelbagai jenis ayat; (b) mencatat dan menyusun maklumat; (c) menghasilkan penulisan kreatif dan bukan kreatif; dan (d) membuat ulasan tentang bahan yang didengar ditonton dan dibaca. Kementerian Pendidikan Malaysia (2001) telah menggariskan ideologi bagi kemahiran menulis dalam pendidikan Bahasa Melayu iaitu:

Kemahiran menulis merujuk kepada keupayaan murid mengeluarkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang telah dilalui dengan menggunakan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, serta tulisan yang jelas dan kemas. Murid juga digalakkan untuk menggunakan kreativiti mereka untuk menghasilkan penulisan bahan ilmu dan imaginatif

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001.

Dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu, kemahiran menulis merupakan salah satu kemahiran yang memerlukan murid mahir dan cekap menguasai aspek kebahasaan, keindahan dan kehalusan bahasa. Selain itu, kemahiran menulis juga mementingkan penghayatan perasan dan apresiasi khalayak pembaca terhadap Dalam aspek kemahiran menulis, murid-murid diharapkan dapat (i) menghasilkan penulisan kreatif dan bukan kreatif secara terancang, tertib dan kemas menggunakan bahasa yang tepat, indah dan menarik, (ii) mengemukakan isi yang bernas dan membina kerangka karangan; (iii) membina ayat topik dan ayat huraian untuk membina perenggan yang kohesif; (iv) menyusun isi dan menggunakan penanda wacana untuk

menghasilkan perenggan yang koheren dan (v) menyunting dan memurnikan sesuatu karya yang dihasilkan.

Dalam kemahiran menulis karangan, umumnya, penulisan karangan Bahasa Melayu mempunyai dua jenis karangan yang perlu dipelajari dan dikuasai oleh murid iaitu karangan berformat dan karangan tidak berformat. Karangan berformat adalah seperti surat kiriman rasmi, surat kiriman tidak rasmi, catatan, laporan, syarahan, ucapan, wawancara dan berita. Karangan tidak berformat pula adalah seperti cerita, autobiografi, pendapat, fakta dan perbincangan terdapat jenis karangan yang memberi kebebasan kepada murid untuk melahirkan idea tentang sesuatu tajuk yang disediakan dengan menggunakan perkataan sendiri (Aman Shah Syed Ali, Zamri Mahamod & Mohammed Azlan Mis Ali, 2021).

Penulisan karangan respons terbuka terdiri daripada penulisan karangan berformat dan tidak berformat. Dalam konteks kajian ini, bentuk penulisan mod wacana yang dikaji terdiri daripada karangan perbincangan dan karangan fakta. Melalui Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu menyatakan bahawa pendekatan berbentuk modular dan pembelajaran didik hibur serta pentaksiran secara holistik bagi mencungkil potensi murid untuk meneroka pelbagai bidang ilmu pengetahuan, memperkembangkan dan menilai keupayaan penguasaan kemahiran berbahasa dengan mempamerkan keterampilan dan kecekapan berbahasa.

Masalah Pembelajaran dan Pemudahcaraan Karangan Menulis Karangan Respons Terbuka Murid Bukan Penutur Natif

Kemahiran menulis tidak berlaku secara semula jadi. Murid perlu menguasai konsep huruf dan sistem dalam penulisan. Noorazman Mahat (2009) menegaskan bahawa kemahiran menulis mesti dikuasai oleh setiap murid kerana murid perlu menjawab semua kertas peperiksaan awam di Malaysia. Murid yang tidak menguasai kemahiran menulis yang baik sering menghadapi masalah untuk menjawab soalan peperiksaan. Keadaan ini pasti mengundang pencapaian akademik yang lemah. Kecekapan berbahasa Melayu merupakan aspek yang memperlihatkan dengan lebih jelas perbezaan antara murid penutur natif dengan murid bukan penutur natif.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Norehan Muhamad (2009) dan Abdul Rahim Abu & Mohd Sharifudin (2014) terhadap karangan murid Orang Asli amat membimbangkan kerana masih ramai yang tidak menguasai sistem bahasa, tidak boleh menggabungkan suku kata, klausa, dan frasa untuk membentuk perkataan dalam Bahasa Melayu. Kegagalan murid untuk menguasai kosa kata yang baik menjadikan ayat yang ditulis sukar difahami maksudnya dengan jelas (KPM 2018b). Murid-murid tidak dapat menulis idea dengan ayat gramatis, penggunaan kosa kata yang terhad, struktur ayat yang tidak betul, dan pelbagai lagi masalah lain yang berkaitan dengan aspek bahasa tidak dikuasai oleh murid Malaysia bukan penutur natif.

Nora'azian Nahar & Fadzilah Abd. Rahman (2018) menemukan bahawa terdapat beberapa isu pembelajaran dan pemudahcaraan karangan bagi murid bukan penutur natif di tahap 1 di SJKT. Antaranya ialah murid bukan penutur natif ini didapati sukar untuk membezakan huruf. Murid-murid amat keliru dengan bentuk-bentuk huruf yang hampir sama seperti (*n-m*), (*g-p*) dan (*c-e*). Huruf terbalik (*m-w*), (*n-u*) dan huruf songsang (*b-d*), (*q-p*), dan (*b-p*). Rata-rata murid tidak memahami struktur ayat, pola ayat dalam bahasa kedua terutamanya bagi bahasa Melayu. Oleh itu, mereka menyusunnya sesuka hati tanpa mengira subjek atau predikat.

Berikutnya, tahap penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang dilihat semakin luntur penggunaannya akibat pengaruh bahasa ibunda dan bahasa Inggeris dalam kalangan murid bukan penutur natif. Noor Zila Md. Yusuf (2015) juga mendapati dalam situasi sebenar murid bukan penutur natif di SJKC dan SJKT, menghadapi masalah yang hampir sama,

murid tidak dapat mengaplikasikan kemahiran menulis dalam bahasa Melayu. Pengajaran guru berfokuskan pemindahan fakta dan mengingat kembali untuk tujuan peperiksaan semata-mata. Kebanyakan murid bukan penutur natif Cina dan India akan menghafal rumus-rumus tatabahasa, karangan contoh dan menggunakan bahasa ibunda dalam penulisan mereka.

Begitu juga dengan dapatan kajian Norsimah Mat Awal, Nadrah Abu Bakar, dan Norhashimah Jalaluddin (2012). Majoriti pencapaian akademik bagi kemahiran menulis murid bukan Melayu di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) adalah pada tahap sederhana dan lebih daripada 20% adalah lemah. Dapatan beliau mendapati murid Cina di SMK kurang berminat membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu kerana menganggap penggunaan bahasa Melayu tidak penting dalam kehidupan ataupun kerjaya. Mereka mempelajari Bahasa Melayu semata-mata untuk mendapatkan sijil dalam peperiksaan awam yang menjadi syarat wajib bagi semua murid di Malaysia. Mereka menganggap mereka tidak perlu cekap dalam berbahasa Melayu kerana bahasa Melayu sebagai bahasa untuk berkomunikasi secara santai sahaja. Lagipun penggunaannya yang sangat terhad semasa mempelajari subjek bahasa Melayu di dalam kelasa sahaja. Tambahan pula alat artikulasi mereka sudah biasa dengan bahasa ibunda sejak di sekolah rendah lagi.


Kajian Abdul Rasid Jamian (2011) dan Chew Fong Peng (2016) mendapati murid Cina di sekolah rendah luar bandar masih tidak dapat membunyikan perkataan dengan tepat dan betul, tidak dapat menyebut perkataan yang dieja dengan betul dan sering meninggalkan perkataan yang tidak diketahui maknanya atau gagal membunyikannya. Hal ini menimbulkan pola bacaan yang merangkak-rangkak dan pastinya menjadikan murid tidak memahami maklumat dan makna bahan bacaan tersebut. Selain itu, murid yang lemah dan tidak berminat mencari maklumat yang tercatat dalam bahan rangsangan yang diberi oleh guru menyebabkan pencapaian akademik terutama bahasa Melayu kurang memuaskan. Ketidakupayaan murid menguasai kemahiran membaca, pasti memberikan masalah untuk menguasai kemahiran mendengar, bertutur, dan menulis kerana murid kurang terdedah dengan bahasa Melayu dalam persekitaran kehidupan mereka

Teori Input Krashen

Dalam konteks kajian ini, Teori Input Krashen (1985) didapati sesuai untuk kajian ini kerana berdasarkan teori-teori yang dikemukakan di atas, penyelidik beranggapan bahawa kesemua hipotesis yang dibincangkan dapat diaplikasikan untuk melihat keberkesanan penguasaan bahasa kedua dari segi profisiensi (mendengar, bertutur, membaca dan menulis) bahasa Melayu dan hubungannya dengan pemboleh ubah yang dipilih dalam kalangan murid Malaysia bukan penutur natif di sekolah antarabangsa. Hipotesis pertama iaitu Hipotesis Urutan Alamiah (*Natural Order Hypothesis*) (1976) pemerolehan tatabahasa bahasa Melayu sebagai bahasa kedua berlaku secara natural bergantung kepada faktor umur, latar belakang dan tahap pendedahan kepada bahasa kedua. Dalam Hipotesis kedua Krashen (1981a), iaitu Hipotesis Pemerolehan dan Pembelajaran (*Acquisition Learning Hypothesis*), murid bukan penutur natif boleh memperoleh bahasa kedua melalui interaksi secara lisan semasa berkomunikasi hari-hari dan melalui proses pengajaran dan pembelajaran PdPc di dalam kelas. Bagi Krashen (1981) kompetensi menguasai bahasa kedua melalui pemerolehan bukan pembelajaran.

Dalam Hipotesis ketiga, iaitu Hipotesis Monitor (*Monitor Hypothesis*), Krashen (2007) menegaskan terdapat tiga faktor dalaman yang beroperasi dalam minda manusia ketika menguasai bahasa kedua iaitu *filter*, *organizer* dan *monitor*. *Filter* berfungsi untuk menapis bahasa yang didengar, *organizer* mengatur bahasa yang ditapis oleh filter dan monitor bertindak memproses maklumat untuk membentuk ayat-ayat purnabentuk semasa murid bukan penutur natif menulis dalam bahasa kedua. Berdasarkan kajian lepas, hasil dapatan (*Input Hypothesis*), Krashen (1981) beranggapan bahawa murid bukan penutur natif dapat menguasai input yang

diperoleh melalui pendengaran dan pembacaan terutama kanak-kanak di peringkat bawah umur 13 tahun dapat menguasai bahasa kedua dengan lebih cepat. Seterusnya hasil dalam kajian lepas menyatakan Hipotesis kelima Krashen (1977) iaitu Hipotesis Penyaringan Afektif (*Affective Filter Hypothesis*), murid yang mempunyai motivasi belajar yang tinggi mempunyai peluang untuk menguasai bahasa kedua. Murid bukan penutur natif akan memperbesar saringan afektif setelah mendapat motivasi dan dorongan belajar daripada guru, ibu bapa dan kawan serta persekitaran yang positif. Rajah 1.0 menunjukkan keempat-empat kemahiran dalam bahasa kedua saling berkaitan antara satu sama lain. Dalam konteks kajian ini pengkaji akan menguji kelima-lima hipotesis dalam Teori Input Hipotesis Krashen (2005) dalam menjalankan kajian ini.



Rajah 1.0: Hubung kait kelima-lima hipotesis Teori Input Hipotesis Krashen (2005)

2. METODOLOGI

2.1 Reka Bentuk Kajian

Dalam konteks kajian ini akan menggunakan kaedah pengumpulan data secara kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan hirisan rentas (*cross-sectional*). Data akan diambil sekali sahaja daripada sampel pada suatu masa. Kaedah rentasan dipilih untuk membolehkan data dikumpul secara terus daripada responden. Reka bentuk ini dipilih kerana mengambil kira pandangan McMillan dan Schumacher (2010) yang mengatakan kajian secara rentasan sangat popular dalam bidang pendidikan. Pertama, adalah kerana kepelbagaian (*versatility*) kegunaan iaitu kebolehan untuk menyiasat hampir kesemua permasalahan dan persoalan. Kedua, kecekapan (*efficiency*) iaitu data daripada pelbagai pemboleh ubah boleh digabungkan tanpa meningkatkan kos dan

penggunaan masa. Jangka masa yang diperuntukkan semasa pemungutan data dapat dilakukan dalam masa yang singkat. Ketiga, generalisasi boleh dibuat terhadap populasi kajian yang lebih besar dengan tepat dan berkesan.

2.2 Sampel Kajian

Kaedah pemilihan sampel bagi kajian ini ialah persampelan rawak sistematik. Jumlah sampel yang akan terlibat dalam kajian ini adalah seramai 143 daripada 225 responden. Pemilihan sampel ini dibuat berdasarkan kepada *Raosoft sample size calculator* (Raosoft, 2004). Hal ini dilakukan selaras dengan pandangan Omair (2014) yang menyatakan bahawa:

“It is important to select a representative sample in quantitative research in order to be able to generalize the results to the target population. The sample should be of the required sample size and must be selected using an appropriate probability sampling technique”.

2.3 Lokasi Kajian

Dalam konteks kajian ini, Sekolah Antarabangsa yang terletak di sekitar Kuala Lumpur menjadi lokasi utama dalam kajian ini. Sebanyak 3 buah sekolah antarabangsa yang akan dipilih sebagai lokasi kajian ini yang terletak di daerah Petaling Jaya. Sekolah antarabangsa telah dipilih sebagai lokasi kajian adalah berdasarkan faktor berikut, sekolah antarabangsa merupakan sekolah yang ditubuhkan untuk golongan ekspatriat yang bekerja atau menjalankan perniagaan di Malaysia. Peratusan peningkatan ke masukan murid-murid ke sekolah antarabangsa saban tahun semakin meningkat. Menurut kajian yang lepas oleh Ahmad Suhael (2019) melaporkan bahawa 64 peratus daripada murid di sekolah antarabangsa merupakan warganegara Malaysia.

2.4 Instrumen Kajian

Instrumen yang akan digunakan bagi penyempurnaan kajian melibatkan dua set instrumen iaitu Ujian Kecekapan Bahasa Melayu (UPBM_SR) dan Tahap Skor UPBM_SR; dan Borang Soal Selidik Kesiediaan, Motivasi dan Faktor Persekitaran Murid Bukan Penutur Natif dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan Karangan Respons Terbuka. Bagi UPBM_SR ini, instrumen ini terdiri daripada Bahagian A: murid perlu membina ayat berdasarkan 5 keping gambar diletakkan yang disediakan; dan Bahagian B: murid perlu membina karangan (antara 80 hingga 120 patah perkataan). Ujian Menulis UPBM_SR yang akan dilaksanakan ini bertujuan mengenal pasti tahap kemahiran menulis murid Malaysia bukan penutur natif menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre menggunakan perkataan dan kosa kata yang pelbagai dan kompleks, serta menggunakan sistem bahasa yang tepat dan betul. Borang Soal Selidik Kesiediaan, Motivasi dan Faktor Persekitaran Murid Bukan Penutur Natif dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan Karangan Respons Terbuka ini akan dibangunkan kepada empat bahagian. Bahagian A dalam borang soal selidik akan memberikan perhatian kepada informasi demografi; dan Bahagian B pula meneliti tahap kesediaan murid Malaysia bukan penutur natif di sekolah antarabangsa. Bahagian C bertujuan untuk meneliti tahap motivasi murid bukan penutur natif terhadap pembelajaran penulisan karangan respons terbuka; manakala Bahagian D pula memberikan perhatian kepada faktor persekitaran yang mempengaruhi pembelajaran penulisan karangan respons terbuka dalam kalangan murid Malaysia bukan penutur natif. Maklumat-maklumat ini akan digunakan untuk pengumpulan data kuantitatif daripada responden.

3. KESIMPULAN

Setelah meneliti kajian-kajian lepas berkaitan kesediaan, motivasi dan faktor persekitaran pembelajaran dan pemudahcaraan murid bukan penutur natif, adalah diharapkan kajian ini dapat dilaksanakan di sekolah antarabangsa Kuala Lumpur. Adalah diharapkan dapatan kajian ini berupaya menambah khazanah ilmu dalam penulisan karangan respons terbuka Bahasa Melayu. Malah, dapatan kajian ini juga berupaya menjadi satu indikator bagi mengatasi isu yang terkait dengan situasi yang dihadapi oleh golongan murid di sekolah antarabangsa secara keseluruhan.

RUJUKAN

- Abdul Rahim Abu & Mohd Sharifudin Yusop, (2014) Sikap kanak-kanak orang asli di Bandar Raya Kuala Lumpur terhadap penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu: Malay Language Education (MyLEJ)*, 4 (2). 57-66
- Abdul Rasid Jamian, (2011) Permasalahan kemahiran membaca dan menulis bahasa melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu: Malay Language Education (MyLEJ)*, 1 (1), 1-12.
- Ahmad Suhael Adnan. (2019). Sekolah antarabangsa jadi pilihan. *Berita Harian*, 18 November. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/11/629764/sekolah-antarabangsa-jadi-pilihan>
- Aman Shah Syed Ali, Zamri Mahamod & Mohammed Azlan Mis Ali. (2021). Masalah penulisan karangan Bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif di sekolah rendah. *Kertas Kerja yang Dibentangkan dalam Konvensyen Bahasa Melayu*.
- Asmah Hj Omar. (1987). *Bahasa Malaysia Saintifik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Byrne, D. (1979). *Teaching Writing Skills: Longman handbooks for language teachers*. Longman
- Cambridge Assessment International Education [CIE]. (2021). *Cambridge Lower Secondary Brochure*. <https://www.cambridgeinternational.org/Images/607719-cambridge-lower-secondary-brochure.pdf>
- Chew Fong Peng. (2016). Masalah Pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan Murid Cina Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6 (2), 10-22.
- Dayang Sufilkawany Ujai, Wan Muna Ruzanna, & Wan Mohamad. (2017). Pengaruh Faktor Sosial Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Iban. *Malay Language Education Journal MyLEJ*, 7(1), 74–84.
- Gardner, R.C. (1985). *Social Psychology and second language learning: The role of attitudes motivation*. London: Edward Arnold Publishers.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi 5*. (2010). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krashen, S. (1972). Laterization, Language, Learning and the Critical Period: Some New Evidence." *Language Learning*, Vol.23.
- Krashen Stephen D. (1981). *Principles and Practice in Second Language Acquisition*. English Language Teaching Series. Printice-Hall International (UK)
- Krashen Stephen D. (1985). *Second Language Acquisition and Second Language Learning*. Pergamon Press.
- Krashen Stephen D. (1989). We Acquire Vocabulary and Spelling by Reading: Additional Evidence for The Input Hypotesis. *Modern Language Journal* 73, 440-464.
- Krashen, S. (1994). *The Input Hypothesis and Its Rivals*. In N. Ellis (Eds.). Vol.6. Bil.2 (Nov. 2016); 10-22. Learning of languages. Academic Press.
- Krashen Stephen D. (2013). *Second Language Acquisition. Theory, Applications, and Some Conjectures*. New York: Cambridge University Press

- Mohd Majid Konting. (2009). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Edisi ke-9. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mok Soon Sang. (2008). *Psikologi pendidikan untuk pengajaran dan pembelajaran*. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Norehan Muhamad. (2009). Analisis kesilapan: Satu kajian terhadap karangan murid murid Orang Asli. *Jurnal Penyelidikan DEDIKASI*, 1, 119-136.
- Noorazman Mahat. (2009). Panduan menulis karangan. <https://karanganbagus.blogspot.com>
- Nora'azian Nahar. (2020). Penguasaan kemahiran membaca dan menulis bahasa melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif di sekolah jenis kebangsaan (SJK). *Issues in Language Studies (Vol 9 No 1)*, 107 -123.
- Nora'azian Nahar & Fadzilah Abd. Rahman. (2018). Tahap penguasaan kemahiran bertutur bahasa melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*, Vol. 8, Bil. 1 (Mei), 74-83.
- Norsimah Mat Awal, and Nadrah Abu Bakar, and Nor Hashimah Jalaluddin, (2012) Pembelajaran bahasa melayu sebagai bahasa kedua: pengungkapan idea dalam penulisan pelajar sekolah menengah di Malaysia. *Jurnal Melayu* (9), 227-240.
- Noor Zila Md. Yusuf. (2015). *Bahasa antara dalam Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
- Omair, A. (2014). Sample size estimation and sampling techniques for selecting a representative sample. *Journal of Health Specialties*, 2(4), 142-. <https://doi.org/10.4103/1658-600x.142783>
- Raosoft, I. (2004). *Sample Size Calculator by Raosoft, Inc.* <http://www.raosoft.com/samplesize.html>.
- Tay Meng Guat & Wong Shia Ho. (2016). Minat pelajar bukan penutur natif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu: Satu kajian kes. *Jurnal Penyelidikan IPGK BL Tahun 2016*, 13, 53-63.
- Zulkifley Hamid. 2006. Psikolinguistik dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Kuala Lumpur: PTS Chew Fong Peng Educational Psychology, 98 (3): 489– 507.. (2016). Masalah Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Cina Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2),